

UCAPAN PERDANA MENTERI MERASMIKAN
KURSUS JAWATANKUASA KEMAJUAN KAM-
PUNG PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG,
DI SEKOLAH TINGGI BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PRAI PADA 28HB DISEMBER, 1973

Pengerusi Majlis, Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang,¹ Saudara-saudara sekalian,

Saya bersyukur kerana dapat bersama-sama di sini untuk memberi sepatah dua kata kepada saudara-saudara semua yang datang menghadiri kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung pada hari ini.

Sebenarnya, sebelum ini saya telahpun berpeluang berjumpa dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Negeri Kedah, Perlis dan Pahang, apabila mereka menghadiri kursus seupama ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kursus dan mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang yang dihargai ini.

Saudara-saudara sekalian,

Negara kita sekarang ini sedang melakukan pembangunan yang amat pesat dan di setiap ceruk rantau negara hari ini, di kampung-kampung serta juga di bandar-bandar, jentera pembangunan sedang giat berjalan. Matlamat pembangunan seperti yang kita semua sedia maklum ialah untuk memperbaiki dan meninggikan lagi taraf hidup rakyat supaya seluruh golongan rakyat dapat hidup dalam keadaan makmur dan bahagia dan mendapat tempat yang sempurna. Akan tetapi, patutlah diingat usaha Kerajaan sahaja tidaklah mencukupi, bahkan amatlah mustahak penglibatan dan kerjasama rakyat lebih-lebih lagi rakyat di luar bandar.

Gerakan Pembaharuan yang telah dilancarkan pada tahun lalu bertujuan untuk meningkatkan lagi usaha pembangunan yang telah berjalan selama ini. Dalam hal ini, amatlah mustahak rakyat mengambil sikap positif terhadap segala aspek pembangunan, baik dari segi ekonomi, pelajaran, kesihatan dan lain-lain dan bukanlah negatif sebagai penerima saja. Perkara-perkara ini sangat penting

¹ Y.B. Dr Lim Chong Yew.

dan kita patut memandang berat, misalnya, tentang persekolahan anak-anak kita supaya mereka tidak keciciran pelajarannya, tentang kesihatan keluarga kita oleh kerana badan yang sihat itu adalah perlu untuk otak yang cergas, dan belia-belai hendaklah merebut peluang-peluang pekerjaan atau berusaha sendiri supaya mengurangkan masalah pengangguran.

Pendek kata, melalui Gerakan Pembaharuan ini kita harap rakyat khasnya orang-orang Melayu kita akan lebih bersemangat dan berazam membina masyarakat baru yang dinamis dan sanggup menghadapi cabaran abad dua puluh satu kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Bagi melaksanakan cita-cita ini, saya lihat ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung boleh memainkan peranan yang penting terutama sekali dalam membangunkan masyarakat kita di luar bandar. Kedudukan saudara-saudara sangat sesuai menjadi pemimpin di kampung masing-masing sebagai catalyst mempelopori projek-projek pembangunan di kedua-dua bidang kehidupan material dan rohani dengan memberi tunjuk-ajar kepada orang-orang kita di kampung-kampung. Dengan hasrat itulah saya telah mengarahkan supaya Jawatankuasa Kemajuan Kampung di tiap-tiap negeri digiatkan semula serta diperkemaskan organisasinya untuk bertindak—action oriented—dan tidak sebagai penasihat sahaja.

Seperti saudara-saudara sedia maklum, matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dalam menyusun semula masyarakat ialah supaya golongan Bumiputra menyertai 30% daripada semua bidang dan jenis perniagaan dan perdagangan dalam masa dua puluh tahun akan datang. Kerajaan mengadakan berbagai rupa peluang bagi kaum Bumiputra untuk membaiki taraf ekonomi mereka, samada dengan usaha pertanian ataupun perniagaan melalui institusi-institusi seperti MARA, UDA, PERNAS, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan lain-lain pertubuhan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Majuikan dan Majuternak. Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini menunjukkan yang kita telah mencapai lebih daripada matlamat yang telah ditetapkan untuk tempoh tiga tahun ini yang merupakan satu pertanda baik bagi kita semua. Meskipun kita boleh berbangga dengan kejayaan itu tetapi tidaklah

seharusnya berpuas hati dengan apa yang telah kita capai itu; sebaliknya kita hendaklah berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencapai kejayaan yang lebih besar untuk dua tahun akan datang ini.

Saudara-saudara sekalian,

Di Pulau Pinang ini dengan adanya pimpinan yang tegas oleh Dr Lim Chong Eu, usaha-usaha pembangunan berjalan dengan pesat malahan di lapangan perindustrian kemajuannya jauh ke depan berbanding dengan setengah-setengah negeri di seluruh Malaysia. Di Kawasan Perdagangan Bebas Bayan Lepas misalnya, terdapat banyak kilang-kilang elektronik yang memberikan banyak peluang pekerjaan untuk rakyat terutama kaum wanita. Dalam perancangan untuk beberapa tahun akan datang ini, akan muncul beberapa bandar baru di seberang sini iaitu Bagan Serai dekat Bukit Mertajam, di Penaga dan juga di Pulau Pinang iaitu Sungai Nibong dan Teluk Bahang. Jadi nyatalah proses pembandaran akan bertambah meningkat dan mengubah corak rakyat yang hari ini diam di kampung-kampung menjadi masyarakat baru dan moden.

Saya diberitahu di Pulau Pinang ini terdapat sebanyak 102 buah Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah ditubuhkan. Selain dari tugas mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan, saya ingin melihat Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung menggerakkan Kemajuan Pembangunan di kampung masing-masing untuk dunia dan untuk akhirat. Saudara-saudara sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung hendaklah mempelopori kemajuan dan pembangunan kampung di negeri ini dalam context pembangunan masyarakat, dengan ertikata bahawa semua usaha pembangunan itu berpunca dari rakyat, diusahakan oleh rakyat bagi faedah rakyat sendiri.

Kerajaan telah mengadakan jawatan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan masyarakat yang khusus untuk bertugas membimbing Jawatankuasa Kemajuan Kampung mi. Saya berharap saudara-saudara sekalian akan memberi kerjasama yang penuh kepada pegawai-pegawai ini dan bersedia menerima nasihatnya untuk kepentingan bersama. Pegawai Kemajuan Negeri akan juga memerhatikan perjalanan JKK dan memberitahu saya kemajuannya dari semasa ke semasa.

Saya juga diberitahu bahawa pada tahun hadapan akan diadakan dua Pesta Pembangunan di Pulau Pinang ini, satu untuk kawasan Seberang Perai dan satu lagi di Pulau Pinang. Melalui pengalaman kita di masa lepas, Pesta-pesta Pembangunan seperti ini mendapat sambutan yang hangat dan memuaskan dari seluruh rakyat dan selain dari memberi mereka kesempatan mendapat pengajaran dan pengalaman, kita dapat menilai kemajuan yang telah dicapai serta mendapat feedback daripada mereka sendiri mengenai rancangan-rancangan yang telah dijalankan.

Saudara-saudara sekalian,

Tidak syak lagi pada masa ini rakyat di kampung menghendaki pimpinan dan panduan tegas untuk menghadapi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh inflasi. Kita boleh bersama-sama meredakan tekanan serta mencegah akibat buruk yang disebabkan oleh inflasi ini seperti yang telah saya terangkan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. Patut juga diingat bahawa kenaikan harga barang-barang berlaku serentak dengan kenaikan harga pengeluaran kita sendiri samada getah, kelapa sawit dan juga padi. Adalah baik sekiranya orang-orang kita yang mendapat pendapatan yang berlebihan itu jangan lekas berbelanja bahkan hendaklah menyimpan sebahagian daripadanya. Benda-benda yang boleh kita adakan sendiri seperti sayur-sayuran, ayam dan telur dan barang-barang makanan yang lain patutlah diusahakan sendiri supaya kita tidak terlalu bergantung kepada orang lain dan dengan itu meredakan tekanan inflasi itu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya percaya kursus ini memberi munafaat kepada semua dengan bimbingan dan panduan mengenai peranan dan tanggungjawab ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam menjalankan tugas masing-masing. Melalui saudara-saudara dapatlah disatukan segala tenaga dan usaha sesuai dengan konsep Gerakan Pembaruan dan di samping itu dapat pula dikaji masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam masa menjalankan tugas untuk mencari penyelesaiannya bersama. Kursus ini juga meliputi semua agensi pembangunan Kerajaan seperti Bank Pertanian, Bank Rakyat, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Padi dan Beras Negara serta peranan dan peluang-peluang yang ada pada agensi-agensi ini

untuk penyertaan rakyat di kampung. Dengan ini diharap saudara-saudara dapat menerangkan kepada orang ramai bagaimana ajensi-ajensi ini boleh memberi munafaat kepada mereka kalau digunakan dengan bijaksana.

Sebagaimana yang dirancang oleh kerajaan, beberapa orang daripada peserta-peserta kursus akan dipilih pula untuk menjalani kursus di peringkat yang lebih tinggi di Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi. Ini bolehlah dianggap sebagai pendorong kepada saudara-saudara kerana di samping menjalani kursus di sana saudara-saudara akan berpeluang menyaksikan proses pembangunan yang sedang berjalan di Ibu Negara dan sekitarnya supaya meluaskan pengetahuan dan pandangan. Saya percaya saudara-saudara akan berlumba-lumba sesama sendiri untuk mendapatkan peluang yang baik ini dengan menggerakkan jentera pembangunan di kampung apabila pulang dari kursus ini kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Buat mengakhirinya, saya sekali lagi menyatakan harapan agar saudara-saudara menumpukan perhatian penuh terhadap ceramah-ceramah dan perbincangan-perbincangan semasa kursus supaya kita bersama-sama mendapat faedah yang sepenuhnya.

Saya ucapkan selamat berkursus dan marilah kita bersama-sama menggembelingkan tenaga untuk kemajuan.

Terima kasih.